

STRATEGI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN

NAMA PUSAT : INNOVATION

PUSAT/ FUNGSI : BLOK DAN PUZZLE

TAJUK/ TEMA : “ KAPAL SELAMKU COMEL ”

| BIL | PERKARA | CATATAN | |
|-----|----------------------------------|---|--|
| 1 | STANDARD KANDUNGAN | MA6.3 | Membuat pelbagai binaan mengikut kreativiti |
| 2 | STANDARD PEMBELAJARAN | MA6.3.4 | Membuat pelbagai binaan yang kukuh dan stabil menggunakan pelbagai bahan mengikut kreativiti |
| | | SA2.5.2 | Membuat ramalan apa yang berlaku berdasarkan aktiviti yang dijalankan |
| 3 | STREAM | S | Memahami proses menyediakan kapal selam. |
| | | T | Gunting, pisau pemotong, gelas kertas dan kotak minuman. |
| | | R | Menunjukkan sikap berani mencuba dan bekerjasama didalam kumpulan dalam membuat projek kapal selam |
| | | E | Membuat lakaran dan reka bentuk kapal selam |
| | | A | Menggunakan daya kreativiti dan idea baru dalam penghasilan model kapal selam. |
| | | M | Mengambil ukuran kapal selam yang dihasilkan menggunakan unit bukan piawai |
| 4 | OBJEKTIF | Pada akhir pembelajaran kanak-kanak dapat membina model kapal selam dari pelbagai bahan | |
| 5 | BBM | Kotak minuman/jus, gam, plastic lutsinar, cawan kertas, gunting, pisau pemotong, bekas kotak, wallpaper, warna pelaka, kayu ais | |
| 6 | NILAI MURNI | Berani mencuba, | |

| BIL | PERKARA | CATATAN |
|-----|-----------------------------|--|
| | | Berpikiran kreatif |
| 7 | STRATEGI PELAKSANAAN | |
| | | <ol style="list-style-type: none"> 1. Kanak-kanak berkumpul di Pusat Innovation centre dan membentuk kumpulan. 2. Setiap kumpulan diberikan 1 kotak yang mengandungi bahan yang sama. 3. Kanak-kanak berkumpul dalam kumpulan dan bersedia membuat model kapal selam dengan bimbingan guru. <i>(Sebaiknya guru menyediakan langkah penyediaan bergambar untuk setiap kumpulan).</i> 4. Setiap kumpulan akan membuat lakaran kapal selam masing-masing. 5. Kanak-kanak dengan bantuan guru akan meletakkan cawan kertas pada bahagian atas badan kotak minuman tersebut. 6. Seterusnya,kanak-kanak dibimbing oleh guru untuk membentuk lubang pada bahagian atas kotak tersebut. 7. Kemudian,kanak-kanak akan memasukkan kotak berbentuk roll pada dinding lubang cawan yang telah dibentuk tadi untuk menjadi simbol periscope pada kapal selam tersebut. 8. Kanak-kanak akan melekatkan plastik lutsinar pada bahagian tepi, hadapan kotak sebagai simbol tingkap untuk kapal selam yang akan dihasilkan. 9. Sebagai langkah keselamatan, guru memotong kayu ais krim terpakai menjadi kipas terlebih dahulu. 10. Kemudian kanak-kanak memasang pada bahagian hujung kotak. 11. Setelah selesai pemasangan,kanak-kanak akan cat keseluruhan kapal selam tersebut mengikut warna yang telah dipilih oleh kanak-kanak itu sendiri. |

| BIL | PERKARA | CATATAN |
|------------|----------------|---|
| | | <p>12. Mengambil ukuran panjang kapal selam yang di cipta.</p> <p>13. Kanak-kanak mempamerkan model kapal selam yang mereka cipta dan berkongsi pengalaman mereka membuat model kapal selam.</p> <p>14. Model kapal selam yang siap dipamerkan di pusat pembelajaran.</p> <p><u>Nota:</u> <i>* guru boleh merujuk pada link dibawah.</i> https://www.youtube.com/watch?v=tq-8n4XufsQ&feature=share</p> |